

# Events ... (Conferences, Meetings, Trainings & Workshops)

## Lawatan Kerja Timbalan Naib Canselor (HEP) ke UiTMCPP oleh Dr. Rofiza Aboo Bakar

Pada 1 Disember, 2021, Timbalan Naib Canselor (HEP) yang menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UiTM, Yg Bbhg. Profesor Dr. Mohd. Sazili Shahibi, telah melakukan lawatan kerja ke UiTMCPP. Dalam ucapan bersempena dengan lawatan kerja beliau, telah digariskan beberapa perkara penting yang perlu para pensyarah serta pelajar ambil maklum untuk merealisasikan sasaran menjadi *Globally Renowned University pada 2025*. ‘Kecemerlangan’ ialah kata kunci ucapan beliau.

Tidak dinafikan, kecemerlangan bermula dengan tenaga pendidik. Semua pensyarah harus ingat bahawa mereka ialah pejuang tetapi bukan golongan ‘pujawang’. Pejuang dalam erti kata bahawa mereka memahami dan mendalami aspirasi penubuhan UiTM. Ianya adalah proses evolusi survival yang panjang dari RIDA ke ITM dan sekarang UiTM. Nilai-nilai positif seperti berilmu, berdisiplin, amanah, rajin dan bertanggungjawab mestilah terus diamalkan demi mendidik para penuntut. Di samping itu, tanggungjawab penyelidikan dan penerbitan harus dilaksanakan dengan sebaik mungkin.



Timbalan Naib Canselor (HEP)  
yang menjalankan fungsi  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa) UiTM,

Untuk para penuntut pula, sahsiah diri perlu terus diperkuuhkan. Nama baik universiti mesti dijaga sama ada semasa sedang atau apabila telah tamat belajar. Komen-komen liar di media-media sosial tidak harus ada kerana ianya akan hanya memburukkan imej sang penulis. Apakah mereka fikir mereka akan diambil bekerja kelak oleh industri sekiranya ini menjadi amalan mereka? Graduan yang cemerlang ialah graduan yang berupaya menjaga sahsiah diri dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

Ucapan beliau diakhiri dengan nasihat bahawa kecemerlangan memerlukan kekuatan dalaman. Usaha yang bersungguh-sungguh dan dilengkapi dengan pengorbanan, walau tidak nampak di mata manusia, akan dinilai sebaik-baiknya oleh Allah jua.



### Pantun Budi

Tenang-tenang air di Laut,  
Sampan kolek mudik ke tanjong;  
Hati terkenang mulut tersebut,  
Budi yang baik rasa nak junjung.



Kalau ada lenggundi pahit,  
Mari taruh dalam celepa;  
Kalau ada budi yang baik,  
Sampai mati tidak kulupa.

Bunga Cina di atas batu,  
Jatuh daunnya ke dalam ruang;  
Adat dunia memang begitu,  
Sebab budi emas terbuang.

